



اُنِيْوَرْسِيْٓتِيْ تِيْكَنُوْلُوْجِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

JABATAN BANGUNAN

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERAK

DESEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Amali ini disediakan

Oleh

NURUL 'AIN BINTI MOHD GHAZALI

2007130129

Bertajuk

Pemasangan Kekuda Bumbung Keluli

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan

Koordinator Latihan Amali

Koordinator Program

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK

DESEMBER 2009

PERAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 6 bulan mulai 1 desember 2009 hingga 30 mei 2010 di Syarikat Haji Ali Sdn Bhd dan telah diletakkan ditapak bina Taman Haji Ali Pauh Lima, Bachok. Iaya juga sebagai satu syarat lulus kursus BLD 299 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

.....

Nama : NURUL 'AIN BINTI MOHD GHAZALI

No KP UiTM : 2007130129

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya laporan ini dapat disiapkan dengan jayanya dalam masa yang telah ditetapkan. Bersempena dengan itu, saya dengan berbesar hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Wan Abdullah Bin Wan Alwi kerana telah memberi tunjuk ajar yang berguna dalam penghasilan laporan projek yang lengkap dan berkualiti.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih saya kepada ibu bapa saya Puan Noriah Binti Latih dan Encik Mohd Ghazali Bin Daud yang banyak membantu saya dalam menyiapkan projek in dengan menyuntingkan semangat ke atas dri saya.i.Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih Syarikat Haji Ali Homes Sdn Bhd yang telah sudi mengambil saya sebagai pelatih disyarikat tersebut. Disini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada En Afandi Bin Che Pa yang telah memberikan banyak tunjuk ajar dan sudi meluangkan masa untuk menceritakan pengalaman beliau dalam bidang ini.

Penghargaan ini juga diberikan kepada semua pensyarah yang telah banyak membantu, mendidik serta mengajar secara lansung ataupun tidak lansung dalam menjayakan projek ini. Terutama kepada En Haikal Bin Ramli selaku koordinator praktikal.Berkesempatan ini juga saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan.

Harapan saya agar laporan ini dapat menyumbangkan sedikit sebanyak ilmu untuk kita semua. Segala yang berlaku adalah kehendak ilahi dan sesungguhnya ilmu yang ada pada manusia adalah diibaratkan setitik air dihujung jarum berbanding air dilautan, itulah ilmu Allah S.W.T.

ABSTRAK

Pada masa kini, penggunaan struktur keluli adalah biasa digunakan dalam industry pembinaan. Pengetahuan dan pemahaman mengenai keadaan sebenar sambungan keluli seperti sambungan kekuda bumbung keluli menggunakan bolt ataupun kimpalan adalah penting bagi menghasilkan rekabentuk yang selamat dan ekonomi. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan bagi mendapatkan keadaan sebenar kaedah-kaedah yang digunakan untuk pemasangan kekuda bumbung keluli. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengetahui masalah sebenar tentang pemasangan kekuda bumbung keluli ini. Kajian dimulakan dengan mencari maklumat tentang teoritikal pemasangan kekuda bumbung keluli. Antaranya ialah penggunaan keluli dalam industry, ciri-ciri keluli, cara-cara penyambungan keluli, kebaikan dan keburukan keluli, dan sebagainya. Penggunaan kekuda bumbung keluli memberikan pelbagai faedah kepada pembinaan industry sekarang kerana penggunaan keluli yang mudah dan senang. Kebaikan lebih banyak daripada keburukan sekiranya keluli digunakan dalam pemasangan kekuda bumbung

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii- vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Gambar	vii- viii
Senarai Rajah	viii

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan Kajian	1
1.2	Pemilihan Tajuk Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Skop Kajian	3
1.5	Kaedah Kajian	4

BAB 2.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1	Pengenalan	5
2.2	Sejarah Penubuhan Syarikat	6
2.3	Latar Belakang Syarikat Haji Ali Homes Sdn Bhd	
2.3.1	Profil Syarikat	7
2.3.2	Ahli Lembaga Pengarah	
2.3.2.1	Pengarah Urusan	8
2.3.2.2	Pengarah Perumahan	9
2.3.2.3	Pengarah Pemasaran	10
2.4	Objektif Syarikat	11

2.5	Carta Organisasi	
2.5.1	Carta Organisasi Syarikat Haji Ali Homes Sdn Bhd	12
2.5.2	Carta Organisasi Tapak	13
2.6	Senarai Projek yang telah Siap	14-19

BAB 3.0 KAJIAN TEORITIKAL (PEMASANGAN KEKUDA BUMBUNG KELULI)

3.1	Pengenalan	20
3.2	Definisi Kekuda Bumbung Keluli	21
3.3	Penggunaan Keluli dalam Industri	22
3.4	Kandungan keluli	23
3.5	Ciri-ciri Keluli	24
3.6	Penyelenggaraan Terhadap Bahan Keluli	24
3.7	Cara-cara Penyambungan Keluli	
3.7.1	Kaedah Bolt dan Nut	25-26
3.7.2	Kaedah Kimpalan	27-28
3.8	Kelebihan atau Kebaikan Keluli	
3.8.1	Ketahanan Lasakan Struktur	29
3.8.2	Masa	29
3.8.3	Bahan Binaan	30
3.8.4	Buruh dan Jentera	30
3.8.5	Kualiti Kerja Binaan	30
3.9	Keburukan atau Kekurangan Keluli	
3.9.1	Lesu	31
3.9.2	Perlindungan Api	31
3.9.3	Mudah Karat	31
3.9.4	Lengkokan	31

**BAB 4.0 KAJIAN TAPAK (PEMASANGAN KEKUDA BUMBUNG
KELULI)**

4.1	Pengenalan	32
4.2	Bahan dalam Kerja Kekuda Bumbung Keluli	
4.2.1	Pita Ukur	33
4.2.2	Canar	33
4.2.3	Braket L	34
4.2.4	Drill	34
4.2.5	Skrus	35
4.2.6	Wall Nut	35
4.2.7	Keluli	36
4.2.8	Tangga	36
4.2.9	Pemotong Keluli	37
4.2.10	Marker Pen	37
4.3	Cara Pemasangan Kekuda Bumbung Keluli	
4.3.1	Pelan	38
4.3.2	Mereka Bentuk Keluli yang Dikehendaki	38
4.3.3	Pemotongan Keluli	39
4.3.4	Mencantumkan Keluli	39
4.4	Cara Meletakkan Kekuda Bumbung	
4.4.1	Mengangkat	40
4.4.2	Menarik dan Menolak	41
4.4.3	Penegakkan dan Menyusun	42
4.4.4	Memasang	43

BAB 5.0	ISU KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	44
5.2	Masalah Kajian dan Cara Mengatasi	
5.2.1	Sebelum Projek Disiapkan	
5.2.1.1	Susah Diangkut	45
5.2.1.2	Masalah Cuaca	46
5.2.1.3	Mudah Lentur dan Bengkok	47
5.2.1.4	Bekalan Elektrik	48
5.2.1.5	Kerangka Bumbung Tidak Sama rata	49
5.2.2	Selepas Projek Disiapkan	
5.2.2.1	Kemasan Bumbung Tidak Boleh Dipasang	50
5.2.2.2	Kemasan Tidak Cantik	51
5.2.2.3	Atap Bocor	52
5.3	Perbezaan Kekuda Bumbung Keluli dengan Kekuda Bumbung Kayu	53
5.4	Sebab Kegagalan Struktur	
5.4.1	Rekabentuk yang Salah	54
5.4.2	Salah Memilih Bahan Binaan	54
5.4.3	Gagal Semasa Binaan	54
5.4.4	Gagal Dalam Pengawasan Projek dan Aspek Teknikal	55
5.5	Cadangan	56
BAB 6.0	KESIMPULAN	57
	Senarai Rujukan	
	Senarai Lampiran	

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 : Carta Organisasi Syarikat Haji Ali Homes Sdn Bhd
Jadual 2.2 : Carta Organisasi Tapak
Jadual 3.1: Pemutaran Bolt dan Nut

MUKA SURAT

12
13
25

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1 : Asrama KIAS
Gambar 2.2 : Taman Desa Petaling,Kok Lanas
Gambar 2.3 : Taman Desa Petaling, Kok Lanas
Gambar 2.4 : Taman Haji Ali Guchil,Tanah Merah
Gambar 2.5 : Taman Haji Ali Guchil,Tanah Merah
Gambar 2.6 : Taman Haji Ali Telong,Bachok
Gambar 2.7 : Taman Haji Ali Telong,Bachok
Gambar 2.8 : Kompleks Perniagaan Saidina Ali,Kok Lanas
Gambar 2.9 : Taman Haji Ali Pangkal Kalong
Gambar 2.10 : Taman Haji Ali Pangkal Kalong
Gambar 4.1 : Pita Ukur
Gambar 4.2 : Canar
Gambar 4.3 : Braket L
Gambar 4.4 : Drill
Gambar 4.5 : Skru
Gambar 4.6 : Wall Nut
Gambar 4.7 : Keluli
Gambar 4.8 : Tangga
Gambar 4.9 : Pemotong Keluli
Gambar 4.10 : Marker Pen
Gambar 4.11 : Pelan
Gambar 4.12 : Reka bentuk
Gambar 4.13 :Pemotongan Keluli

MUKA SURAT

14
15
15
16
16
17
17
18
19
19
33
33
34
34
35
35
36
36
37
37
38
38
39

Gambar 4.14 : Mencantumkan Keluli	39
Gambar 4.15 : Mengangkat Kekuda Bumbung Keluli	40
Gambar 4.16 : Kekuda Bumbung Dibawa Ketapak bina	40
Gambar 4.17 : Kekuda Bumbung Diletakkan Diatas Kerangka Bumbung	41
Gambar 4.18 : Kekuda Bumbung Keluli Ditolak ke atas	41
Gambar 4.19 : Kekuda Bumbung Ditegakkan	42
Gambar 4.20 : Kekuda Bumbung Keluli Dipasang	43
Gambar 4.21 : Pemasangan Menggunakan Skru	43
Gambar 5.1 : Mengangkat Kekuda Bumbung Keluli	45
Gambar 5.2 : Hujan Lebat	46
Gambar 5.3 : Kekuda Bumbung Keluli Lentur	47
Gambar 5.4 : Bekalan Elektrik	48
Gambar 5.5 Kerangka Bumbung Tidak Sama rata	49
Gambar 5.6 : Kemasan Tidak Boleh Dipasang	50
Gambar 5.7 : Kemasan Tidak Cantik	51
Gambar 5.8 : Atap Bocor	52

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 : Contoh Kerangka Bumbung

MUKA SURAT

21

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan kajian

Bumbung merupakan bahagian bangunan yang paling atas sekali pada sesuatu bangunan. Selain menjadi pelindung dari cuaca panas, hujan dan menanggung beban angin, bentuk bumbung juga mempunyai nilai estetika yang paling ketara untuk dilihat. Bumbung juga merupakan elemen yang terpenting dalam pembinaan sesebuah bangunan. Hakikatnya bumbung merupakan bahagian yang mencantikkan bangunan itu sendiri. Kebanyakan bumbung pada masa ini lebih banyak menggunakan struktur keluli daripada struktur kayu disebabkan oleh faktor kekuatan, kos serta rekabentuk.

Kekuda bumbung keluli merupakan satu struktur binaan yang terdiri daripada beberapa anggota lurus yang diperbuat daripada keluli. Bentuk segitiga akan memberi kestabilan kepada kekuda bumbung bagi membolehkan setiap anggota hanya menanggung daya paksi, hujung anggota disambung secara bolt dan nat. Pembinaan kekuda bumbung keluli merupakan kerja-kerja yang memerlukan ketelitian dan kecekapan yang tinggi dalam proses pemasangan disebabkan oleh keadaan keluli itu sendiri serta ketinggian bangunan. Pemasangan yang rumit, memerlukan tenaga kerja yang mahir dan sudah semestinya akan melibatkan kos yang tinggi.

Oleh itu , perancangan kerja yang teliti dan teratur perlu dirangka bagi memastikan segala aspek dan kaedah pemasangan kekuda bumbung keluli berjalan dengan lancar sekaligus dapat mengurangkan kos yang harus ditanggung oleh pihak kontraktor.

1.2 Pemilihan Tajuk Kajian

Sepanjang menjalani latihan praktikal di Haji Ali Homes Sdn Bhd, saya sebagai penulis merasakan pembinaan struktur bumbung keluli amat rumit dan memerlukan kepakaran pekerja untuk menyelesaikannya. Penulis telah ditempatkan di tapak pembinaan sepenuh masa, maka penulis dapat mempelajari kaedah pemasangan kekuda bumbung dengan lebih terperinci dan mendalam. Sepanjang pemerhatian penulis dalam proses pemasangan kekuda bumbung keluli ini pekerja memerlukan kemahiran dan kepakaran dalam menyiapkan pemasangan kekuda bumbung keluli ini.

Teknologi yang digunakan dalam pemasangan kekuda bumbung tidak terlalu mahal kerana pemasangan kekuda bumbung keluli ini hanya menggunakan teknologi yang sediaada yang terdapat di Malaysia. Kaedah pemasangan kekuda bumbung keluli ini boleh dibuat dengan menggunakan tenaga kerja manusia dan tidak memerlukan mesin bertenaga tinggi. Pekerja yang mahir dan cekap sudah memadai dalam proses pemasangan kekuda bumbung keluli.

Oleh kerana kekuda bumbung keluli masih baru dalam pembinaan bangunan di Malaysia saya sebagai penulis mengambil peluang ini untuk mengkaji dan memfokuskan tentang pemasangan kekuda bumbung dengan lebih terperinci dan nyata. Oleh itu, penulis telah memilih tajuk ini sebagai kajian semasa menjalani praktikal di Syarikat Haji Ali Homes Sdn Bhd.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian mengenai pemasangan kekuda bumbung keluli ini adalah untuk:

- 1) Mempelajari kaedah pembinaan kekuda bumbung keluli,
- 2) Mengenalpasti masalah yang timbul dalam pemasangan kekuda bumbung keluli dan cara penyelesaiannya,
- 3) Mengenal pasti perbezaan kekuda bumbung keluli dengan kekuda bumbung kayu.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini merangkumi cara kerja pemasangan kekuda bumbung keluli di tapak bina dari awal hingga akhir kerja. Skop kajian ini juga menerangkan tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam menangani masalah pemasangan struktur bumbung di tapak bina. Skop kajian secara khususnya akan menitikberatkan tentang kaedah pemasangan kekuda bumbung keluli. Ia merangkumi perkara-perkara yang telah dilakukan di tapak pembinaan secara teratur dan sistematik.

1.5 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan oleh penulis termasuklah:

Pemerhatian atau proses penilaian

Proses mendapatkan data melalui pemerhatian yang dibuat sepanjang penulis ditempatkan di tapak pembinaan. Memandangkan penulis ditempatkan di tapak bina sepenuh masa, maka penulis berpeluang melihat sendiri, menilai, mempelajari, mengambil gambar dalam proses pemasangan kekuda bumbung keluli.

Temuramah atau temubual

Temuramah ini merangkumi temuramah dengan pihak syarikat sendiri, pihak sub kontraktor, pembeli rumah, pembekal keluli, dan juga pihak buruh binaan. Setiap daripada mereka mempunyai pandangan masing-masing dalam proses pemasangan kekuda bumbung keluli ini. Oleh itu, penulis menggunakan kesempatan ini untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berhubung dengan kaedah atau cara tersebut.

Rujukan bacaan

Rujukan yang dimaksudkan oleh penulis lebih kepada rujukan yang dilakukan melalui buku atau laman web. Rujukan ini lebih menjurus kepada kajian berhubung teori yang dikemukakan oleh penulis berdasarkan fakta di dalam rujukan.

BAB 2

LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 Pengenalan

Haji Ali Homes Sdn. Bhd telah ditubuhkan pada 5 Disember 2002 iaitu hasil daripada strategik perikatan di antara syarikat pembinaan yang dimiliki oleh tiga generasi keturunan Haji Ali. Haji Ali Homes Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang diwarisi turun temurun daripada salasilah keluarga. Dengan erti kata lain, setiap ahli keluarga mempunyai pegangan di dalam syarikat berkenaan. Syarikat berkenaan dipengerusikan oleh Haji Shamsudin Bin Haji Ali dengan anak saudaranya iaitu Mohd Rushdan Mohd Yusof bertindak sebagai pengarah kepada syarikat berkenaan.

Syarikat Haji Ali Homes Sdn. Bhd pada mulanya menjalankan aktiviti perusahaan batu bata. Di bawah pengawasan yang baru, Haji Ali Homes Sdn Bhd mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pembangunan dan pembinaan. Reputasi Haji Ali Homes Sdn Bhd adalah sebahagian daripada perintis dalam pembangunan hartanah dan pembinaan sejak tahun 1980 dan perniagaan perladangan dan perkilangan sejak tahun 1970.

2.2 Sejarah Penubuhan Syarikat

Haji Ali Homes Sdn. Bhd. sebelum ini dikenali sebagai Perusahaan Batu Bata Haji Ali. Perusahaan Batu Bata Haji Ali adalah satu perniagaan keluarga yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputra. Haji Ali Homes Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang didaftarkan dengan pendaftar perniagaan pada 1 Februari 1974 dibawah nama Perusahaan Batu Bata Haji Ali Sdn Bhd kemudian pada 5 Disember 2002 syarikat ini mula berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor dan telah menukarkan nama syarikat kepada Haji Ali Homes Sdn Bhd. Semenjak didaftarkan Haji Ali Homes telah melaksanakan pelbagai projek kebanyakannya projek perumahan. Syarikat ini menjalankan projek di atas modal mereka sendiri.

2.3 LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.3.1 Profil Syarikat

Nama Syarikat	Haji Ali Homes Sdn Bhd (Formerly known as Nilampuri Suria Development Sdn Bhd)
Nombor Syarikat	600680-M
Alamat	D/A Perusahaan Batu Bata Haji Ali 16010 Nilampuri, Kota Bharu, Kelantan.
Telefon	
Faxs	09-7123555
Tarikh ditubuhkan	05hb Disember 2002
Modal Dibenarkan	RM 1,000,000.00
Modal Berbayar	RM 1,000,000.00
Pemegang Saham Utama	Mohd Rushdan Mohd Yusoff Muhammad Ridzwan Shamsudin Muhammad Razif Shamsudin
Taraf Pemegang Saham	Bumiputra
Pengarah	Shamsudin Ali (Chairman) Mohd Rushdan Mohd Yusoff Muhammad Ridzwan Shamsudin Muhammad Razif Shamsudin
Juruaudit	Wan Nadzir & Co

2.3.2 Ahli Lembaga Pengarah

2.3.2.1 Pengarah Urusan

Nama pengarah	:	Mohd Rushdan Mohd Yusof
Umur	:	32 Tahun
Jantina	:	Lelaki
Taraf perkahwinan	:	Berkahwin
Alamat	:	Lot 1792 Taman Haji Ali 16450 Ketereh Kota Bharu, Kelantan
Taraf pendidikan	:	Sarjana Muda Perakaunan { BACC (Hons) } Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Pengalaman	:	Pengarah Urusan (Perusahaan Batu Bata Haji Ali) Rakan Kongsi (Chengal Indah Furniture antara tahun 2006
Status	:	Pengarah Urusan (Haji Ali Homes Sdn Bhd)

2.3.2.2 Pengarah Perumahan

Nama pengarah	:	Muhammad Ridzwan Shamsudin
Umur	:	32 Tahun
Taraf Perkahwinan	:	Berkahwin
Alamat	:	Lot 1793 Taman Haji Ali, 16450 Ketereh Kota Bharu, Kelantan
Taraf Pendidikan	:	Diploma Perniagaan dan Pengurusan di Institusi Teknologi Tun Abdul Razak
Pengalaman	:	Pengurus (Ridzwan Construction pada Tahun 2003) Rakan Kongsi (Chengal Indah Ferniture)
Status	:	Pengarah (Haji Ali Homes Sdn Bhd) Pengarah Urusan (Ridzwan Development)

2.3.2.3 Pengarah Pemasaran

Nama Pengarah	:	Mohammad Razif Shamsudin
Umur	:	30 Tahun
Jantina	:	Lelaki
Taraf Perkahwinan	:	Berkahwin
Alamat	:	Lot 1793 Taman Haji Ali 16450 Ketereh Kota Bharu, Kelantan
Taraf Pendidikan	:	Sarjana Muda Sains Upper Iowa University
Pengalaman	:	Pengarah Urusan (Perusahaan Batu Batu Bata Haji Ali sejak tahun 1999 Rakan Kongsi Chengal Indah Furniture
Status	:	Pengarah Urusan (Haji Ali Homes Sdn Bhd)

2.4 Objektif Syarikat


Semua syarikat mempunyai objektif masing-masing dalam menentukan target yang perlu dicapai oleh sesebuah syarikat. Haji Ali Homes Sdn Bhd juga mempunyai objektifnya yang tersendiri. (Sumber dari Haji Ali Homes Sdn Bhd) Antara objektif syarikat ini ialah :

- 1) Bergiat cemerlang dalam bidang pembangunan hartanah
- 2) Bergiat cemerlang dalam perniagaan sokongan kepada sektor pembinaan
- 3) Penyumbang utama kepada pembangunan infrastruktur
- 4) Pemangkin pembangunan
- 5) Pusat komersil yang tersusun dan menarik
- 6) Membolehkan menceburi di dalam projek perumahan dan pembangunan.
- 7) Berpeluang menceburi bidang perniagaan

2.5 Carta Organisasi

2.5.1 Carta Organisasi Haji Ali Homes Sdn Bhd


Jadual 2.1 menunjukkan carta organisasi bagi Haji Ali Homes Sdn Bhd :



Jadual 2.1 Carta Organisasi Syarikat

2.5.2 Carta Organisasi Tapak

Jadual 2.2 menunjukkan carta organisasi tapak bagi projek Taman Haji Ali Pauh Lima :



Jadual 2.2 Carta Organisasi Tapak

2.6 Senarai Projek Yang Telah Siap

Rajah-raja berikut merupakan projek yang telah disiapkan sepanjang tahun 2001 hingga 2006 :

Tahun 2001

Kompleks Asrama Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) satu rekaan dan disewakan kepada Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN).



Gambar 2.1

Tahun 2000-2004

Taman Desa Petaling, Kok Lanas

Sebuah projek perumahan mengandungi 102 unit teres satu tingkat dan 30 unit banglo bernilai RM 13.5 juta.



Gambar 2.2



Gambar 2.3

Tahun 2005

Taman Haji Ali Guchil, Tanah Merah

Sebuah projek perumahan mengandungi 16 unit bangle satu tingkat dan 4 unit tingkat separa bernilai RM 2.5 juta.



Gambar 2.4



Gambar 2.5

Tahun 2006

Taman Haji Ali Telong, Bachok

Sebuah projek perumahan mengandungi 22 unit rumah banglo satu tingkat bernilai RM 2.95 juta.



Gambar 2.6



Gambar 2.7

Tahun 2006

Kompleks Perniagaan Saidina Ali

Sebuah projek Bandar yang mengandungi pasar baru di Kok Lanas, 172 unit rumah keda dua tingkat dan shopoffice, 12 unit dua tingkat separa dan 2 banglo dua tingkat.



Gambar 2.8

Tahun 2006

Taman Haji Ali Pangkal Kalong, Kok Lanas

Sebuah projek perumahan mengandungi 11 unit bangle satu tingkat bernilai RM1.82 juta.



Gambar 2.9



Gambar 2.10

BAB 3

KAJIAN TEORITIKAL (PEMASANGAN KERJA BUMBUNG KELULI)

3.1 Pengenalan

Industri pembinaan negara telah mengalami perubahan berikutan penggunaan keluli dalam pemasangan kekuda bumbung yang mudah dan secara tidak langsung meningkatkan tahap kualiti dan keselamatan sesebuah bangunan tersebut. Kaedah yang digunakan untuk pemasangan kekuda bumbung keluli amat sistematik dan berkesan dalam industri pembinaan di Malaysia. Ia adalah merupakan proses pembinaan yang menggunakan teknik, produk, komponen atau sistem pembinaan melibatkan pemasangan komponen binaan di tapak pembinaan.

Penggunaan kekuda bumbung keluli menjanjikan kelebihan seperti pengurangan pekerja di tapak, pengurangan pembaziran bahan binaan, pengurangan bahan binaan di tapak, alam sekitar dan tapak binaan lebih bersih, kawalan kualiti lebih baik, tapak pembinaan lebih teratur dan selamat serta tempoh pembinaan lebih singkat.


Faedah yang boleh didapati melalui sistem ini ialah pengurangan pekerja dan bahan di tapak, pembaziran minimum, alam sekitar lebih baik, produktiviti lebih tinggi, kualiti terkawal, penyiapan projek lebih cepat, pengurangan kos keseluruhan pembinaan dan tapak pembinaan lebih tersusun dan selamat.

3.2 Definisi Kekuda Bumbung Keluli

Kekuda bumbung merupakan satu struktur binaan yang terdiri daripada beberapa anggota lurus dan kadangkala anggota lengkung. Bentuk segitiga akan memberi kestabilan kepada kekuda bumbung. Kekuda bumbung keluli ini dipasang sebelum di naikkan keatas bangunan. Ia akan dipasang menggunakan kimpalan, bolt dan nat.

Perkara-perkara yang dipertimbangkan semasa merekabentuk kekuda ialah gred keluli yang digunakan, beban yang dikenakan keatas kekuda tersebut, pesongan maksima untuk ufuk dan menegak dan halaju angin maksima.

Terdapat pelbagai rekabentuk kekuda yang digunakan dalam pemasangan kekuda bumbung di Malaysia. Kriteria dan bentuk kekuda bumbung harus mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.



Rajah 3.1 Contoh Kerangka Bumbung

3.3 Penggunaan Keluli Dalam Industri

Keluli adalah salah satu daripada bahan binaan yang paling kerap digunakan di dalam industri pembinaan di negara kita. Selain daripada itu, keluli juga banyak digunakan di dalam industri perkilangan, pembuatan senjata, barangan perhiasan, perabot, malah keluli juga telah menjadi sangat penting kepada industri petroleum untuk dijadikan sebagai struktur pelantar cari gali minyak.

Kekuatan keluli telah terbukti dengan kemampuannya untuk menjadi stesen pelancar kapal angkasa kepada negara-negara yang bergiat di dalam bidang ini. Justeru itu dengan kenyataan-kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa keluli sangat meluas penggunaanya bukan sahaja kepada sektor industri-industri, malah kepada individu perseorangan juga dengan tercipta kenderaan-kenderaan pengangkutan.

Industri pembinaan selalu menggandingkan bahan keluli dengan kayu bagi membina sesuatu struktur pembinaan. Kadangkala kedua-dua bahan ini saling menandingi antara satu sama lain agar struktur yang sama jenis dan fungsinya dapat dibina dengan menggunakan salah satu daripada dua bahan ini.

Sebelum keluli boleh digunakan di dalam industri pembinaan, keluli mesti dikilangkan dalam keadaan yang dikawal rapi serta sifatnya ditentukan di dalam sebuah makmal dan diperihalkan dalam sijil pengilang. Oleh itu pereka bentuk hanya perlu menentukan agar keluli tersebut dapat mematuhi piawaian yang berkaitan. Penyeliaan jurutera tapak pula hanya terhad kepada kualiti atau mutu kerja sambungan di antara anggota-anggota keluli sahaja ketika struktur pembinaan sedang dijalankan.

Boleh dikatakan bahawa keluli sebelum dikeluarkan dari kilang, ianya terpaksa melalui ujian-ujian kualiti bahan yang ketat, tetapi selepas sahaja keluar daripada kilang, pereka bentuk hanya perlu memberi perhatian kepada reka bentuk sambungan setiap anggotanya sahaja.

Disebabkan oleh perkara inilah, yang menyebabkan ianya menjadi faktor penting mengapa keluli sangat popular daripada bahan-bahan pembinaan yang lain.

3.4 Kandungan Keluli

Keluli terdiri daripada lebih kurang 98% besi dengan elemen-elemen pengaloiian utama seperti karbon, silikon dan mangan. Kuprum dan kromium dimasukkan ke dalam campuran keluli untuk menghasilkan keluli rintangan cuaca yang tidak memerlukan perlindungan karat tetapi, perhatian harus diberikan kepada kos untuk mencampurkan bahan-bahan tambah ini yang sangat tinggi.

Selain daripada itu, bahan-bahan aloi yang lain juga turut ditambahkan ke dalam campuran keluli mengikut kadar yang tertentu bagi meningkatkan keupayaan keluli, misalnya keupayaan terhadap ketahanan pengaratan, kesan haba, keretakan dan juga kekuatan.

3.5 Ciri-ciri Keluli

Kekuatan terikan dan tahap kekerasan keluli bergantung kepada kuantiti karbon, iaitu bahan aloi utama di dalam pembentukan keluli. Selain itu, antara sifat keluli struktur yang mustahak untuk diketahui adalah kekuatan, kemuluran, rintangan hentaman dan kebolehkimpalan

3.6 Penyelenggaraan Terhadap Bahan Keluli

Keluli yang digunakan mesti memerlukan beberapa langkah pencegahan untuk memberikan perlindungan terhadap keluli dengan kaedah-kaedah seperti (Mc Ginley dan Ang, 1991):-

- a) Sistem semburan dengan bahan seperti gentian mineral (*mineral fibres*), *vermiculite*, *gypsum*, simen dan simen cair (*cement slurry*)
- b) Menggunakan lapisan *intumescent coatings* seperti cat dan mastics yang akan mengembang apabila panas dan membentuk suatu penebat haba yang menjadi pelindung kepada keluli.
- c) Memasangkan perlindungan kukuh (*solid encasement*) dengan menggunakan batu-bata atau blok-blok konkrit, konkrit biasa atau bertetulang dan lain-lain.
- d) Memasangkan kotak pelindung (*boarded encasement*) pada keluli struktur dengan bahan-bahan seperti gentian fiber, *vermiculite*, *gypsum*, bahan plaster dan lain-lain.

Antara kaedah-kaedah ini, sistem pemasangan kekotak dan penyemburan paling banyak digunakan kerana ianya lebih cepat dan senang.

3.7 Cara-Cara Penyambungan Keluli

3.7.1 Kaedah Bolt Dan Nut

Apabila bolt dan nat diketatkan dengan menggunakan kaedah putar sebahagian menurut BS 4604, setiap nat hendaklah diketatkan sebaik-baiknya oleh perengkuh kendalian kuasa, sehingga mencapai cengkaman seperti yang diberikan dalam Jadual 3.1 :

JADUAL – PEMUTARAN BOLT DAN NAT			
Saiz nominal & diameter ulir bolt	Cengkaman bolt untuk pemutaran nat (berbanding batang pemutar bolt)		
	Tidak kurang daripada $\frac{1}{2}$ Putaran	Tidak kurang daripada $\frac{3}{4}$ Putaran	
M 16	Sehingga 115mm	melebihi 115	hingga
M 20	Sehingga 115mm	225mm	
M 22	Sehingga 115mm	melebihi 115	hingga
		225mm	
M 24	Sehingga 160mm		
M 27	Sehingga 160mm		
M 30	Sehingga 160mm	melebihi 160	hingga
M 36	Sehingga 160mm	350mm	
		melebihi 160	hingga
		350mm	
		melebihi 160	hingga
		350mm	
		melebihi 160	hingga
		350mm	

Jadual 3.1

Sekiranya bolt dan nat didapati longgar setelah diketatkan pada kali terakhir, bolt, nat dan sesendal berkenaan hendaklah dibuang dan tidak boleh digunakan semula. Apabila bolt dan nat diketatkan dengan menggunakan kaedah kawalan daya kilas menurut BS 4604, kerja mengetat hendaklah dijalankan dengan menggunakan alat pengetat tertentukur, iaitu sama ada perengkuh daya kilas kendalian kuasa atau perengkuh daya kilas kendalian tangan. Perengkuh hendaklah kerap ditentukur, sekurang-kurangnya sekali setiap giliran kerja. Peralatan hendaklah ditentukur semula sekiranya diameter bolt berubah atau panjang cengkamannya berubah melebihi satu per lima daripada cengkaman yang digunakan untuk penentukuran.

Untuk tujuan pemeriksaan, satu sampel yang sekurang-kurangnya terdiri daripada 32 bolt hendaklah dipilih secara rambang daripada satu kelompok bolt yang digunakan oleh satu kumpulan pekerja setiap hari. Sekiranya daya kilas mana-mana bolt didapati kurang daripada nilai dalam penentukuran yang dikehendaki untuk mendapatkan tegasan sesendal yang betul, setiap bolt dalam kelompok berkenaan hendaklah diperiksa dan diketatkan lagi. Bolt dan nat yang didapati cacat dari apa juga aspek hendaklah dibuang dan digantikan dengan bolt dan nat yang baru.

Penyambungan anggota struktur keluli dengan menggunakan kaedah penyambungan bolt adalah mudah dan ekonomi. Penyambungan cara bolt dipilih kerana senang dan proses penyelenggaraan dan baik pulih apabila sesuatu anggota struktur mengalami masalah. Terdapat dua jenis kategori bolt yang digunakan dalam pembinaan iaitu :

- a) Bolt hitam (Black bolts)
- b) Bolt geggam geseran berkeupayaan tinggi (High Strenght Friction Grip bolts)

3.7.2 Kaedah Kimpalan

Mutu hasil kerja untuk segala aspek pemfabrikasian dan penegakan struktur hendaklah mematuhi Spesifikasi Piawai JKR untuk kerja keluli struktur. Semua sisihan dan had terima yang dibenarkan untuk ketepatan kerja penegakan struktur hendaklah mematuhi sepenuhnya nilai yang ditentukan dalam spesifikasi berkenaan. Semua kimpalan hendaklah dibuat melalui proses arka logam menurut BS 5135 dan BS 4570.

Semua kerja kimpal hendaklah dilakukan oleh pengimpal berkeelayakan yang mempunyai sijil sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bereputasi baik seperti Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Malaysian Oxygen (MOX).

Pemeriksaan kimpalan secara visual hendaklah dijalankan oleh penyelia kimpalan yang sesuai dan berkeelayakan, atau oleh pengimpal yang dapat menunjukkan bukti bahawa dia terlatih dan cekap dalam memeriksa secara visual kerja kimpal bagi jenis kimpalan yang berkaitan.

Sebelum kerja penegakan struktur dijalankan, Kontraktor hendaklah mendapatkan kelulusan untuk memperolehi “Pernyataan Kaedah” penegakan struktur termasuk prosedur bagi perkara berikut:

- a. Pemeriksaan prapenegakan dan penerimaan asas secara rasmi
- b. Penghantaran komponen secara berperingkat
- c. Kawalan keselamatan dan persekitaran
- d. Pengesahan operatif
- e. Pengesahan loji dan peralatan
- f. Pemeriksaan setiap fasa pembinaan

Proses yang biasa digunakan dalam kimpalan untuk membuat sambungan ialah kaedah kimpalan fusion (arc). Kaedah ini dilakukan dengan menggunakan kuasa elektrik. Kuasa elektrik digunakan untuk mencairkan elektrod yang digunakan sebagai penyambung. Semasa proses kimpalan, hujung plat keluli yang terlibat juga akan turut mencair. Ini membenarkan kedua-dua anggota bersambung apabila sambungan kimpalan mengering. Terdapat pelbagai kaedah dan cara kimpalan yang dapat digunakan. Antaranya dengan menggunakan sejenis gas bagi membuat kimpalan. Terdapat dua jenis kimpalan yang utama iaitu :

- a) Kimpalan temu (butt weld)
- b) Kimpalan kambi (fillet weld)

Kimpalan kambi dapat memindahkan daya ricih yang dikenakan terhadap sambungan secara efektif melalui ketebalan kimpalan iaitu jarak dari bucu sambungan daripada dua permukaan anggota keluli ke hujung pada bahagian tengah kimpalan.

Kimpal temu diperlukan atau terhasil apabila dua keratan rentas permukaan bertemu dengan kedudukan yang sesuai untuk dikimpal. Kekuatan kimpal temu dapat didefinisikan dengan lebih jelas didalam klausa 6.9.1 dan secara keseluruhan keupayaan kelemahan sambungan bergantung kepada elektrod yang digunakan dan ketelitian semasa proses kimpalan. Sambungan kimpal temu banyak digunakan untuk penyambungan struktur marin seperti kapal, kapal selam, dan kerja-kerja perpaipan pelantar di laut.

3.8 Kelebihan Atau Kebaikan Keluli

3.8.1 Ketahanan Lasakan Struktur

Mempunyai nisbah kekuatan atau berat yang tinggi. Beban berbeza yang sendiri yang rendah membolehkan keluli digunakan dalam pembinaan rentang yang panjang dan pembinaan penapak yang mudah. Lenglukan merupakan ciri utama kegagalan keluli. Ini adalah kerana keratan rentas bagi keluli merupakan unsur tipis yang terutama apabila daya mampatan bertindak keatasnya.

Kekuatan keluli akan berkurangan apabila terdedah pada suhu yang tinggi dan perlu diberi perlindungan kebakaran seperti dengan memasukkan anggota keluli tersebut ke dalam bahan rintangan api umpamanya konkrit. Bahagian anggota struktur keluli yang terdedah perlu dilindungi dengan cat atau salutan logam untuk mengelakkan berlakunya karatan pada keluli.

3.8.2 Masa

Banyak masa dapat dijimatkan semasa pembinaan bangunan dijalankan. Penyediaan komponen keluli dan penapak dilakukan serentak.

Acuan tidak diperlukan dan anggota tidak perlu ditunggu sehingga mencapai kekuatan tertentu untuk meneruskan kerja pembinaan. Dari segi ekonomi, masa pembinaan singkat dapat mengurangkan kos projek.

3.8.3 Bahan Binaan

Anggota keluli dibuat dan dipasang dikilang atau bengkel dan dalam keadaan terkawal sebelum di bawa ke tapak binaan. Ianya dapat menjamin mutu dan keseragaman yang tinggi. Selain daripada itu persekitaran tapak binaan akan menjadi kemas dan bersih serta penggunaan ruang tapak binaan yang maksimum.

Kerja-kerja mengubahsuai struktur keluli mudah dijalankan samaada waktu pembinaan ataupun sesudah bangunan siap kerana kerja-kerja sambungan dan pengukuhan anggota mudah dibuat terhadap struktur.

3.8.4 Buruh dan jentera

Penggunaan buruh adalah terhad. Lebih kepada keperluan jentera untuk mengangkat struktur keluli dan buruh hanya memasang bolt dan nat.

3.8.5 Kualiti Kerja Pembinaan

Kualiti pembinaan keluli adalah terkawal. Ini disebabkan segala proses reka bentuk disiapkan dikilang dan terlindung daripada dedahan cuaca. Ini dapat menjamin mutu dan keseragaman yang tinggi.

3.9 Keburukan Atau Kekurangan Keluli

3.9.1 Lesu

Kegagalan jenis ini berlaku akibat anggota-anggota mengalami beban turun naik. Kes ini amat ketara bagi struktur terutama jambatan. Untuk mengelakkannya, perincian dilakukan supaya penumpuan tegasan dan perubahan-perubahan keratan mendadak dielakkan dalam kawasan yang mempunyai tegasan tegang.

3.9.2 Perlindungan Api

Keluli akan bertindak buruk dalam kebakaran dengan pengurangan kekuatan apabila suhu bertambah. Tegasan alah menurun pada suhu 5 °C kepada hampir 0.7 dari nilainya pada suhu nominal. Ini dikatakan ianya mencapai tegasan kerja dan kegagalan berlaku pada beban kerja.

3.9.3 Mudah Karat

Kerja-kerja keluli amat terdedah dan amat dipengaruhi oleh keratan dalam atmosfera. Ia amat kritikal bagi struktur yang membabitkan geladak jambatan. Selalunya keluli yang dipasang di kawasan pantai akan mudah berkarat kerana keluli terdedah kepada udara yang masin.

3.9.4 Lengkokan

Kebanyakan anggota keluli gagal akibat faktor ini. Jadi perbuatan keluli di kilang dengan cara gelek panas. Maka keratan rentas yang dihasilkan nipis dan lebar atau tebal yang besar. Jadi apabila daya mampatan dikenakan anggota sukar melengkok (Tan Wei Chuan, 2002)

BAB 4

Kajian Tapak (Pemasangan Kerja Bumbung Keluli)

4.1 Pengenalan

Bumbung merupakan bahagian bangunan yang paling atas sekali pada sesuatu bangunan. Ia melindungi penghuni dan bahagian-bahagian bangunan daripada dedahan hujan, terik matahari, angin dan sebagainya. Oleh itu pemasangan kekuda bumbung tidak boleh dipandang remeh oleh pekerja. Pemasangan kekuda bumbung perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh pekerja dan kontraktor.

Kontraktor harus meneliti atau memantau setiap kerja yang dilakukan oleh pekerja pemasangan kekuda bumbung keluli. Sekiranya terdapat kecuaiian dalam pemasangan kekuda bumbung ini boleh memberikan masalah kepada banyak pihak. Pemasangan kekuda bumbung adalah kerja yang rumit kerana ia dipasang pada bahagian atas bangunan. Ia adalah pemasangan yang paling tinggi dan paling merbahaya. Pemerhatian yang sepenuhnya oleh pihak berwajib harus dititik beratkan.

Pemasangan kerja bumbung keluli perlu diberi perhatian yang sepenuhnya oleh pihak berwajib seperti CIDB dalam menangani masalah yang sering berlaku akibat kecuaiian pekerja ketika proses pemasangan kekuda bumbung keluli. Pemasangan kekuda bumbung merupakan struktur yang paling akhir dalam menyiapkan sesebuah bangunan.

4.2 Bahan Dalam Kerja Bumbung Keluli

4.2.1 Pita ukur

Pita ukur amat penting dalam sesuatu kerja pembinaan. Bukan saja digunakan dalam menyiapkan kekuda bumbung keluli tetapi juga dalam setiap kerja. Setiap buruh separuh mahir dan mahir harus memiliki pita ukur.



Rajah 4.1 Pita ukur

4.2.2 Canar

Dalam kerja menyiapkan kekuda bumbung keluli canar amat penting kerana ia digunakan untuk memotong keluli ketika berada di atas bumbung. Selalunya canar digunakan untuk memotong keluli yang bersaiz kecil dan lembut. Canar hanya berfungsi menggunakan arus elektrik. Sekiranya bekalan elektrik terganggu kerja-kerja menyiapkan kekuda bumbung juga akan tergendala.



Rajah 4.2 Canar

4.2.3 Braket L

Braket L diguna semasa penyambungan antara keluli dengan konkrit. Braket L ini akan dikemaskan menggunakan nut dinding. Braket L ini penting kerana ia akan mengemaskan ikatan keluli dengan dinding konkrit.



Rajah 4.3 Braket L

4.2.4 Drill

Drill digunakan untuk mengemaskan skru sesama keluli. Keluli akan dicantumkan dengan menggunakan skru yang diletakkan di mata drill. Drill perlu dikendalikan dengan baik supaya skru tidak tersasar ketempat lain dan akan menyebabkan sambungan keluli tidak kemas dan longgar.



Rajah 4.4 Dril

4.2.5 Skru

Skru digunakan untuk menyambungkan keluli. Skru ini akan dikemaskan menggunakan drill. Saiz skru yang digunakan dalam projek ini ialah 10×518" dan berwarna zinc yellow.



Rajah 4.5 Skru

4.2.6 Wall nut

Wall nut digunakan untuk mengetatkan braket L, keluli dan dinding konkrit. Lubang akan ditebuk terlebih dahulu menggunakan gerudi. Kemudian *wall nut* akan dimasukkan diantara keluli dengan braket L. *Wall nut* ini akan diketatkan menggunakan spanar. Hanya satu saiz *wall nut* sahaja yang digunakan dalam projek ini.



Rajah 4.6 Wall nut

4.2.7 Keluli

Keluli merupakan bahan yang terpenting dalam menyiapkan kekuda bumbung. Jika keluli tidak ada projek akan tergendala. Keluli merupakan bahan yang kuat dan kukuh. Keluli merupakan bahan yang tidak mudah terbakar, ia merupakan bahan rintangan api yang tinggi. Keluli ini juga mudah diangkut kerana ia merupakan bahan yang ringan.



Rajah 4.7 Keluli

4.2.8 Tangga

Tangga merupakan komponen yang amat penting ketika pemasangan kekuda bumbung keluli. Kerana ketika pekerja ingin menaiki ke atas bumbung untuk memasang kekuda bumbung keluli ia memerlukan tangga.



Rajah 4.8 Tangga

4.2.9 Pemotong keluli

Pemotong keluli yang digunakan untuk memotong keluli amat diperlukan semasa pemasangan kekuda bumbung keluli. Ia digunakan ketika memotong keluli di tempat yang ingin disambung dengan skru.



Rajah 4.9 Pemotong keluli

4.2.10 Marker pen

Marker pen ini amat diperlukan untuk menanda saiz keluli yang ingin dipotong. Pensil tidak sesuai digunakan untuk menanda keluli kerana keluli yang digunakan dalam projek ini berwarna siver. Oleh itu, ia kontra dengan warna pensil.




Rajah 4.10 Marker pen

4.3 Cara Pemasangan Kekuda Bumbung keluli

4.3.1 Pelan

Pemasangan kekuda bumbung keluli memerlukan pelan bagi memberi rujukan kepada pekerja ketika proses pemasangan kekuda bumbung keluli tersebut. Sekiranya pelan tiada, proses pemasangan kekuda bumbung keluli tidak boleh dijalankan. Kekuda bumbung ini dibuat seratus peratus merujuk kepada pelan kekuda bumbung keluli.



Rajah 4.11 Pelan

4.3.2 Mereka bentuk keluli yang dikehendaki

Reka bentuk keluli yang dikehendaki akan dirujuk di atas pelan. Saiz juga akan diukur merujuk kepada pelan arkitek yang sudah ada. Setiap reka bentuk kekuda bumbung akan dirujuk melalui pelan yang sedia ada.



Rajah 4.12 Reka bentuk

4.3.3 Pemotongan keluli

Pemotongan keluli akan dibuat selepas saiz telah diukur dengan merujuk kepada pelan arkitek. Pemotongan ini akan dibuat dengan berhati-hati supaya tidak akan berlaku kemalangan jiwa semasa proses pemasangan ini dilakukan



Rajah 4.13 Pemotogan keluli

4..3.4 Mencantumkan keluli

Proses yang terakhir ialah proses mencantumkan keluli selepas keluli siap dipotong mengikut saiz yang dikehendaki. Selepas satu pemasangan siap dipasang, ia akan dibuat contoh untuk pemasangan yang seterusnya. Sambungan ini akan dibuat menggunakan skru bersaiz kecil yang telah ditetapkan.




Rajah 4.14 Mencantumkan keluli

4.4 Cara meletakkan kekuda bumbung

4.4.1 Mengangkat

Kekuda bumbung akan diangkat dari tempat pemasangan dengan perlahan-lahan supaya kekuli tidak mudah patah dan lentur. Projek perumahan Taman Haji Ali Pauh Lima ini tidak memerlukan jentera untuk mengangkat kekuda bumbung kerana bangunan perumahan ini tidak terlalu tinggi. Keluli ini hanya diangkut menggunakan tenaga manusia seratus peratus. Sekiranya projek besar dan melibatkan bangunan tinggi, kren akan digunakan untuk mengangkat kekuda keluli tersebut.



Gambar 4.15 Mengangkat kekuda bumbung keluli



Rajah 4.16 Kekuda bumbung dibawa ke tapak bina

4.4.2 Menarik dan menolak

Selepas kekuda keluli diangkat ke tempat pembinaan kekuda keluli akan diletakkan ditepi bangunan supaya mudah ditarik. Kekuda keluli ini akan ditarik oleh pekerja yang berada di atas bumbung. Pekerja yang berada di bawah akan menolak kekuda keluli tersebut sehingga kekuda itu benar-benar berada di atas bumbung.



Rajah 4.17 Kekuda bumbung diletak di atas kerangka bumbung



Rajah 4.18 Kekuda bumbung keluli ditolak ke atas

4.4.3 Penegakkan dan menyusun

Semasa pembinaan, semua beban yang dikenakan ke atas kekuda hendaklah diletakkan dengan berhati-hati supaya tidak melebihi keupayaan bawaan mana-mana gelegar, kekuda atau komponen lain.

Sokong penegak hendaklah disediakan untuk menghalang kekuda daripada tumbang atau menyebabkan kekuda lain turut tumbang semasa kerja menegak dijalankan. Sokong sementara hendaklah dibiarkan di tempatnya sehingga kekuda stabil berkekalan. Kekuda hendaklah ditegakkan dengan satah webnya menegak dan selari dengan satu sama lain, ditempatkan tepat pada jarak reka bentuk yang dinyatakan.


Peralatan angkat yang betul hendaklah diadakan sesuai dengan saiz dan jenis kekuda yang dikehendaki, dan diletakkan di titik angkat yang disyorkan oleh fabrikator. Langkah berhati-hati hendaklah diambil semasa penegakan kekuda untuk mengelakkan bengkokan mendatar. Penambat rangka hendaklah disediakan seperti yang ditunjukkan dalam lukisan fabrikasi dan kekuda mestilah ditambat dengan kukuh di titik galasnya.



Rajah 4.19 Kekudabumbung ditegakkan

4.4.4 Memasang

Memasang merupakan proses terakhir dalam menyiapkan struktur bumbung keluli. Proses pemasangan memerlukan ketelitian supaya hasil yang dibuat berkualiti dan kemas. Ia perlu dipasang dengan teratur supaya kemas bumbung dapat dipasang dengan mudah. Anggota kekuda tidak boleh dipotong tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada pereka bentuk. Anggota rangka bumbung hendaklah dipasang tanpa sambungan pada keseluruhan panjangnya, kecuali sambungan sambat ditunjukkan dalam lukisan yang diluluskan. Pengikatan rangka bumbung dengan dawai tidak dibenarkan sama sekali dalam apa jua keadaan.



Rajah 4.20 Kekuda bumbung keluli dipasang



Rajah 4.21 Pemasangan menggunakan skru

BAB 5

ISU KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Setelah mengikuti perkembangan pembinaan di sepanjang tempoh saya menjalani praktikal di Haji Ali Homes Sdn Bhd saya dapat mengetahui bahawa bukan mudah untuk menyiapkan kekuda bumbung keluli sekiranya tiada kepakaran dan kesabaran. Terdapat beberapa masalah yang berlaku dalam pembinaan kekuda bumbung keluli ini samada semasa pembinaan ataupun selepas pembinaan ini selesai. Oleh itu, ia harus di atasi dengan cara yang betul dan tepat.

Tetapi dengan adanya tanggungjawab dan kerjasama dari semua pihak segala masalah dapat di atasi walaupun kadang kala akan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan antara pekerja. Beberapa inisiatif yang telah digunakan bagi menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi. Peningkatan mutu kerja dan pengawalan sikap pekerja secara bijak juga antara faktor penyelesaian setiap permasalahan.

5.2 Masalah Kajian dan cara mengatasi

5.2.1 Sebelum projek disiapkan

5.2.1.1 Susah diangkut

